



## **Hukum Menarik Balik Pemberian (Hibah)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Pemberian dalam istilah ilmu feqh disebut sebagai *hibah*. *Hibah* bermaksud penyerahan milik terhadap sesuatu benda secara sukarela tanpa sebarang imbalan. Ia berlaku semasa si pemberi masih hidup.

*Hibah*, hadiah dan sedekah mempunyai makna yang hampir sama. Cuma hadiah dan sedekah mempunyai makna yang khusus dan *hibah* pula mempunyai makna yang umum. Oleh itu, hadiah dan sedekah termasuk dalam kategori *hibah*.

Menurut ijma' ulama bahawa *hibah* itu hukumnya sunat. Ia disyariatkan dalam Islam berdasarkan kepada firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ

(2 : )

**Tafsirnya:** “*Dan tolong menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan.*”

(Surah al-Maidah: 2)

*Hibah* itu merupakan satu kebajikan kerana ia menimbulkan rasa kasih dan sayang, sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** “*Saling beri memberilah kamu nescaya kamu akan saling kasih mengasihi.*”

(Hadits riwayat al-Bukhari dalam kitab al-Adab al-Mufrad)

### **Perbezaan antara *hibah* dengan sedakah dan hadiah**

Jika penyerahan milik itu dikaitkan dengan suatu pemberian yang dibawa ke tempat orang yang diberi sebagai penghormatan atau memuliakannya maka ia dinamakan hadiah. Jika pemberian itu pula dikaitkan dengan tujuan untuk mengharap balasan pahala dan mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* maka ia dinamakan sebagai sedekah sunat.

Hadiah adalah khusus bagi sesuatu pemberian yang boleh dipindah atau dibawa. Oleh itu, sesuatu pemberian yang tidak boleh dipindah atau dibawa seperti sebidang tanah adalah ia tidak dinamakan sebagai hadiah. Adapun *hibah* pula mempunyai makna yang mutlak samada sesuatu pemberian itu boleh dipindah atau sebaliknya.

Mengenai dengan sedekah, *hibah* dan hadiah ini, Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* serta kerabat Baginda *Radhiallahu 'anhum* tidak boleh (haram) menerima sedekah, akan tetapi harus bagi Baginda serta kerabat Baginda menerima *hibah* dan hadiah.

Disyaratkan dalam urusan pemilikan dengan cara *hibah* itu *ijab* dan *qabul* akan tetapi dalam urusan pemilikan dengan cara hadiah dan sedekah tidak disyaratkan *ijab* dan *qabul*.

### **Bila sesuatu *hibah* menjadi milik orang yang diberi?**

Seseorang yang diberi sesuatu *hibah* akan memiliki sepenuhnya apabila sempurna akad *hibah* serta sempurna penerimaan (*al-qabdh*) sesuatu *hibah* itu.

Sesuatu *hibah* tidak akan menjadi milik kepada orang yang diberi selagi dia belum menerima sesuatu *hibah* dengan izin pemberi walaupun telah melakukan akad *hibah*.

Oleh yang demikian, penerimaan (*al-qabdh*) sesuatu *hibah* itu adalah menjadi syarat dalam memiliki sesuatu *hibah* dan penerimaannya juga adalah dengan keizinan pemberi.

### **Hukum menarik balik *hibah***

Hukum menarik balik *hibah* adalah tertakluk kepada tiga keadaan berikut:

#### **(1) Sebelum orang yang diberi menerima *hibah***

Sekiranya orang yang diberi sesuatu *hibah* itu belum menerimanya, harus bagi pemberi menarik balik *hibahnya*.

Ini kerana sesuatu *hibah* itu masih milik kepada pemberi. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, bahawa orang yang diberi *hibah* belum dikira memiliki sesuatu *hibah* itu selagi dia belum menerimanya.

(2) Setelah orang yang diberi menerima *hibah*

Sekiranya orang yang diberi sesuatu *hibah* itu sudah menerimanya dengan keizinan pemberi, maka si pemberi tidak boleh lagi menarik balik *hibahnya*.

Orang yang menarik balik pemberiannya diumpamakan sebagai orang yang memakan semula muntahnya. Perkara ini dijelaskan dalam hadits yang diriwayatkan daripada Ibnu ‘Abbas *Radhiallahu ‘anhuma*, Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** “Orang yang menarik balik *hibahnya* seumpama orang yang menarik balik (memakan) muntahnya.”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Manakala dalam hadits yang diriwayatkan daripada Ibnu ‘Abbas *Radhiallahu ‘anhuma*, Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** “Perumpamaan orang yang menarik balik sedekahnya adalah seperti seekor anjing yang muntah kemudian ia kembali semula kepada muntahnya lalu memakannya.”

(Hadits riwayat Muslim)

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, *zhahir* hadits ini menunjukkan bahawa haram menarik balik *hibah* dan sedekah selepas kedua-duanya diterima. Ia haram ditarik balik sekiranya *hibah* itu diberikan kepada orang lain selain daripada anaknya sendiri dan juga cucu-cicitnya.

(3) Penerima *hibah* adalah anak si pemberi

Bapa boleh menarik balik sesuatu *hibah* yang diberikannya kepada anaknya sama ada selepas anak itu menerima sesuatu *hibah* tersebut ataupun sebelumnya dan sama ada anak itu terdiri daripada orang kaya ataupun miskin, masih kanak-kanak ataupun dewasa. Sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada Ibnu ‘Umar dan Ibnu ‘Abbas *Radhiallahu ‘anhum*, Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** “Tidak harus bagi seseorang yang memberi sesuatu pemberian kemudian menariknya balik, melainkan seorang bapa yang memberi kepada anaknya, dan perumpamaan orang yang memberi sesuatu pemberian kemudian menariknya balik adalah seperti seekor anjing yang makan sehingga apabila kenyang ia muntah, kemudian ia kembali semula (memakan) muntahnya itu.”

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Keharusan bapa menarik balik sesuatu *hibah* yang diberikannya kepada anaknya itu, jika sekiranya dia menariknya balik kerana terdapat hajat atau masalah. Namun makruh baginya menarik balik pemberian tersebut melainkan kerana keuzuran seperti bapa memberi sesuatu *hibah* kepada anaknya yang derhaka, kemudian dia memberi peringatan kepada anaknya untuk menarik balik pemberiannya itu kalau anaknya masih derhaka. Jika anaknya masih juga derhaka, maka tidak makruh bagi bapanya menarik balik pemberian tersebut.

Selain bapa, menarik balik sesuatu *hibah* juga diharuskan bagi ibu hingga ke atas, sama ada datuk/nenek sebelah bapa ataupun ibu dan sama ada berbeza agama ataupun tidak. Sementara penerima pula, selain terdiri daripada anak, ia termasuk juga penerima yang terdiri daripada cucu-cicit pemberi sehinggalah ke bawah.

Walau bagaimanapun, keharusan bapa menarik balik sesuatu *hibah* yang diberikannya kepada anaknya itu adalah tertakluk kepada tiga syarat seperti berikut:

- (i) Hendaklah penerima *hibah* itu seorang yang merdeka (bukan hamba).

Bapa tidak boleh menarik balik sesuatu *hibah* yang diberikannya kepada anaknya, jika anaknya itu seorang hamba. Ini kerana pemberian sesuatu *hibah* kepada seorang hamba itu adalah pemberian kepada tuannya.

- (ii) Hendaklah sesuatu *hibah* yang diberi itu masih di bawah kuasa penerima.

Bapa tidak boleh menarik balik sesuatu *hibah* yang diberikannya kepada anaknya jika sesuatu *hibah* itu tidak lagi di bawah kuasa anaknya seperti anak itu jatuh muflis dan ditegah ke atasnya menguruskan harta.

Demikian juga, sekiranya anak itu mewakafkan atau menjual sesuatu *hibah* kepada orang lain, maka bapa tidak lagi boleh menarik balik pemberiannya itu. Ini kerana sesuatu *hibah* yang diberikannya itu tidak lagi menjadi milik anaknya.

- (iii) Hendaklah sesuatu *hibah* itu bukan hutang.

Sekiranya anak berhutang sesuatu kepada bapanya, kemudian bapa melepaskan hutang anaknya itu sebagai *hibah*, maka bapa tidak lagi boleh menarik balik *hibah* yang diberikannya itu.

### **Lafaz menarik balik sesuatu *hibah***

Menarik balik sesuatu *hibah* berlaku dengan melafazkan seperti pemberi berkata kepada penerima: “*Saya tarik balik kereta yang saya berikan kepada awak.*”

Ia juga berlaku dengan cara *kinayah* (sindiran) dengan niat menarik balik sesuatu *hibah* tersebut dan bukan dengan niat seperti menjualnya.

Demikianlah dihuraikan beberapa perkara mengenai hukum menarik balik *hibah* sama ada pemberi yang terdiri daripada bapa, ibu dan nenek ataupun pemberi yang terdiri daripada orang lain.